

SOP

BAGI KES-KES TATATERTIB
PELAJAR UNIVERSITI AWAM (UA)



SOARING
UPWARDS



SOP

BAGI KES-KES TATATERTIB
PELAJAR UNIVERSITI AWAM (UA)

KATA ALU-ALUAN YB MENTERI



Syukur ke hadrat Ilahi, SOP bagi Kes-Kes Tatatertib Pelajar Universiti Awam (UA) dapat diterbitkan dengan jayanya. SOP ini merupakan salah satu usaha Kementerian Pendidikan Tinggi untuk memperkasakan sistem pengurusan pelajar UA bagi memelihara aset utama pemacu pembangunan negara bangsa. Penghasilan SOP ini adalah selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) [PPPM (PT)] di mana setiap UA memainkan peranan penting dalam membentuk graduan yang holistik dan seimbang dari segi ilmu yang dipelajari juga akhlak dan tatatertib pelajar agar dapat bersiap siaga menghadapi pelbagai cabaran pada abad ke-21.

Bagi merealisasikan matlamat tersebut, SOP ini telah memfokus dua (2) skop utama iaitu Keselamatan Kampus dan Pengurusan Tatatertib Pelajar. Melalui skop tersebut, ia akan menjadi panduan asas kepada UA dalam mengendalikan isu-isu keselamatan kampus dan juga melibatkan disiplin pelajar.

Bagi menutup tirai, SOP ini hendaklah dijadikan sebagai tunjang asas yang jitu dalam mentranformasikan pelajar sebagaimana yang telah digariskan dalam PPPM (PT) 2015-2025 iaitu pelajar perlulah memiliki etika dan kerohanian, kemahiran memimpin, jati diri kebangsaan, kemahiran berbahasa, kemahiran berfikir dan pengetahuan. SOP ini juga secara tidak langsung menyarankan agar pelajar dapat menyelami dan menghayati agenda Rukun Negara yang ke-5 iaitu "Kesopanan dan Kesusilaan" sebagai lambang utama kepada ukhuwah bersama di samping mendidik diri supaya cinta akan agama, bangsa dan negara.

Dato' Seri Idris Jusoh
Menteri Pendidikan Tinggi

KATA PENGANTAR KPPT



Syukur alhamdulillah, SOP bagi Kes-Kes Tatatertib Pelajar Universiti Awam (UA) ini berjaya dihasilkan bagi membantu pihak pentadbir UA mengurus tadbir tatatertib dan disiplin pelajar secara lebih sistematik dan seragam dengan berteraskan peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan.

SOP ini memfokuskan dua (2) skop utama iaitu Keselamatan Kampus dan Pengurusan Tatatertib Pelajar. Melalui penekanan ini, diharap agar pihak berkaitan khususnya pentadbir UA dapat saling bekerjasama dalam mencapai permuafakatan untuk mentranformasikan UA dalam era dinamik ini.

Akhir kata sebelum menutup bicara, sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada seluruh jawatankuasa yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menerbitkan SOP ini. Semoga dengan penghasilan SOP ini diharapkan agar UA menjadikannya sebagai satu pendekatan untuk mewujudkan universiti yang membudayakan pembelajaran sepanjang hayat di samping menjadi teladan dari segi pemikiran, nilai dan tingkah laku terhadap komuniti Institusi Pendidikan Tinggi.

Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah Tapsir
Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi

KATA PENGHARGAAN P(BPMs)



Alhamdulillah dengan izin-Nya, SOP bagi Kes-Kes Tatatertib Pelajar Universiti Awam (UA) ini berjaya disempurnakan dengan kerjasama pelbagai pihak khususnya Majlis Tatatertib Dan Disiplin Universiti-Universiti Malaysia (MATDUM). Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang bertungkus-lumus dalam penyediaan SOP ini.

Diharapkan agar SOP ini dijadikan sebagai pemudah cara dalam pengurusan isu-isu berkaitan keselamatan kampus dan pengurusan tatatertib pelajar seterusnya meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan cemerlang oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dan Institusi Pendidikan Tinggi.

Prof. Madya Dr. Sopian Bujang

Pengarah

Bahagian Pembangunan Mahasiswa

Jabatan Pendidikan Tinggi

KATA PENGERTI MAJLIS TATATERTIB DAN DISIPLIN UNIVERSITI-UNIVERSITI MALAYSIA (MATDUM)



Assalamualaikum w.b.t.,

Puji dan syukur ke hadirat Allah S.W.T kerana dengan izinNya dan komitmen semua ahli Majlis Tatatertib dan Disiplin Universiti-Universiti Malaysia (MATDUM), Majlis Pengarah-Pengarah Keselamatan Universiti-Universiti Malaysia dan Penasihat-Penasihat Undang-Undang Universiti-Universiti Malaysia, maka penerbitan buku ini telah berjaya direalisasikan.

Usaha bagi meletakkan satu standard dan piawaian yang seragam dan disepakati bersama bagi menguruskan isu-isu disiplin mahasiswa di Universiti Awam menjadi penting bagi mewujudkan dan memperlihatkan urus tadbir yang baik di dalam aspek penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan di universiti.

Apa yang lebih penting ialah bagi memastikan dan menjamin hak-hak mahasiswa di sisi undang-undang terpelihara dan diraikan dengan sewajarnya dengan proses dan amalan yang mendidik supaya mereka mendapat pengajaran sepanjang hayat daripada implikasi kelakuan mereka. Di dalam persekitaran era masa kini yang lebih terbuka dan mencabar, maklum balas dan respons yang cepat dan tepat pada masanya akan menyerlahkan lagi profesionalisme, integriti dan kesegeraan kita di dalam menguruskan isu-isu berkaitan disiplin dan tatatertib ini agar nanti tidak ada pihak yang menanggung tekanan, rasa tidak diadili dan terbeban. Situasi maklumat dan khabar yang dimanipulasi juga turut dapat diminimumkan dan mengelakkan spekulasi terhadap isu-isu yang boleh dipolemikkan oleh pihak-pihak berkepentingan.

Proses dan carta alir ini nanti akan menjadi panduan utama kepada semua pegawai dan pengurus yang terlibat di dalam menjalankan aktiviti berkaitan tatatertib dan disiplin bagi disesuaikan mengikut Akta-akta, Kaedah-kaedah Tatatertib Pelajar dan Peraturan-peraturan yang berkuatkuasa di universiti masing-masing. Semoga proses kerja yang telah melalui proses pemujian di peringkat seluruh universiti awam ini akan melicinkan dan memudahkan pihak universiti ketika berada di dalam situasi-situasi penting membabitkan kepentingan pelajar dan universiti.

Sekali lagi, saya bagi pihak MATDUM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat di dalam menerbitkan buku panduan ini, tidak ketinggalan juga kepada Sekretariat Timbalan-Timbalan Naib Canselor / Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar Universiti Awam dan Bahagian Pembangunan Mahasiswa Jabatan Pendidikan Tinggi yang telah mendahulukan kepercayaan, menghulurkan tangan sepanjang gerak kerja penerbitan ini berlangsung. Sekian, terima kasih.

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin
 Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni
 Universiti Malaysia Pahang
 (Pengerusi MATDUM September 2013 hingga September 2017)

KANDUNGAN

No	Perkara	Halaman
1	Pendahuluan	1
2	Tujuan	1
3	Pemakaian	2
4	Dokumen Rujukan	3
5	Tafsiran	3
6	Tarikh Kuat Kuasa	6
7	Carta Alir	6
7.1.	Menangani Kes Perhimpunan Di Luar Kampus (Dengan Maklumat Awal)	7
7.2.	Menangani Kes Perhimpunan Di Luar Kampus Tanpa Maklumat Awal (Sedang Berlaku)	11
7.3.	Menangani Kes Perhimpunan Di Luar Kampus Tanpa Maklumat Awal (Telah Berlaku)	16
7.4.	Menangani Kes Perhimpunan Di Dalam Kampus Dengan Maklumat (Dengan Kelulusan)	20
7.5.	Menangani Kes Perhimpunan Di Dalam Kampus Dengan Maklumat (Tanpa Kelulusan)	22
7.6.	Menangani Kes Perhimpunan Di Dalam Kampus Tanpa Maklumat	27
7.7.	Menangani Ancaman Ekstremisme	28
7.8.	Laporan Maklumat Sahih Dan Belum Sahih	32
7.9.	Kes Yang Diterima Oleh Pejabat Menteri	33
7.10.	Pra Perbicaraan	34
7.11.	Pra Perbicaraan Kes Pelajar Dituduh Atas Kesalahan Boleh Daftar	35
7.12.	Proses Pemeriksaan, Penggeledahan & Rampasan Dalam Universiti	36
7.13.	Pengendalian Barang Rampasan / Barang Kes	37
7.14.	Pelupusan Barang Kes	37
8	Penutup	38

1. PENDAHULUAN

Standard Operating Procedure (SOP) Bagi Kes-Kes Tatatertib Pelajar Universiti Awam ini mengandungi 14 carta alir proses kerja bertujuan untuk membantu Pihak Berkuasa Tatatertib Pelajar dan para pentadbir Universiti Awam menguruskan tatatertib dan disiplin pelajar dengan berkesan selaras dengan peruntukan undang-undang yang telah ditetapkan.

2. TUJUAN

2.1. SOP ini dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu:

- i. Bahagian I (Keselamatan Kampus); dan
- ii. Bahagian II (Pengurusan Tatatertib Pelajar).

2.2. Bahagian I (Keselamatan Kampus) mengandungi carta alir bagi proses kerja:

- i. Menangani Kes Perhimpunan di Luar Kampus (Dengan Maklumat Awal);
- ii. Menangani Kes Perhimpunan di Luar Kampus Tanpa Maklumat Awal (Sedang Berlaku);
- iii. Menangani Kes Perhimpunan di Luar Kampus Tanpa Maklumat Awal (Telah Berlaku);
- iv. Menangani Kes Perhimpunan di Dalam Kampus dengan Maklumat (Dengan Kelulusan);
- v. Menangani Kes Perhimpunan di Dalam Kampus dengan Maklumat (Tanpa Kelulusan);
- vi. Menangani Kes Perhimpunan di Dalam Kampus Tanpa Maklumat;
- vii. Menangani Ancaman Ekstremisme;
- viii. Laporan Maklumat Sahih dan Belum Sahih; dan
- ix. Kes yang Diterima oleh Pejabat Menteri.

2.3. Bahagian II (Pengurusan Tatatertib Pelajar) mengandungi carta alir bagi proses kerja:

- i. Pra Perbicaraan;
- ii. Pra Perbicaraan Kes Pelajar Dituduh Atas Kesalahan Boleh Daftar;
- iii. Proses Pemeriksaan, Penggeledahan dan Rampasan di Dalam Universiti;
- iv. Pengendalian Barang Rampasan atau Barang Kes; dan
- v. Pelupusan Barang Kes.

3. PEMAKAIAN

SOP ini hendaklah terpakai kepada semua Universiti Awam tertakluk kepada pemakaian di universiti masing-masing.

Proses kerja yang terkandung di dalam SOP ini merupakan panduan asas kepada semua Universiti Awam di dalam membentuk prosedur dan manual untuk mengendalikan kes-kes tatatertib dan disiplin pelajar di universiti masing-masing.

Hal ini perlu supaya setiap tindakan dan pendekatan yang diambil oleh pekerja universiti adalah seragam dan berpandukan proses yang piawai.

Walau bagaimanapun, carta alir dan proses kerja ini hendaklah digubal selaras dengan peraturan, polisi, kehendak dan kesesuaian universiti masing-masing yang mempunyai matlamat dan cara yang pelbagai.

4. DOKUMEN RUJUKAN

- 4.1. Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (AUKU);
- 4.2. Akta Pendaftaran Penjenayah Dan Orang Yang Tidak Diingini 1969;
- 4.3. Perlembagaan Universiti Awam;
- 4.4. Kaedah Tatatertib Pelajar (KTP) Universiti Awam; dan
- 4.5. Akta Perhimpunan Aman 2012.

5. TAFSIRAN

Dalam SOP ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain –

- “AUKU” ertinya Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971;
- “Barang rampasan” ertinya apa-apa barang yang dirampas oleh pekerja universiti yang diberi kuasa termasuklah pihak berkuasa luar;
- “Barang kes” ertinya apa-apa barang yang dikemukakan semasa perjalanan apa-apa prosiding tatatertib;
- “Ekstremisme” ertinya perlakuan, sikap atau fahaman yang melampau dan menjejaskan nama baik, kesejahteraan dan kesentosaan pelajar, kakitangan, pegawai, atau pekerja Universiti;
- “Kampus”, berhubung dengan sesuatu Universiti atau Kolej Universiti ertinya –
 - a) kampus atau kampus cawangan universiti atau kolej universiti itu;

- b) kampus sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen 6(1); dan
 - c) kawasan, bersekali dengan segala bangunan atau struktur lain di atasnya, sama ada untuk selama-lamanya atau selainnya, oleh universiti atau kolej universiti itu;
- Kesalahan boleh daftar – mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah Akta Pendaftaran Penjenayah Dan Orang Yang Tidak Diingini 1969 sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan Kedua Akta;
 - “Luar kampus” kawasan selain daripada kampus;
 - “Maklumat sah” ertinya maklumat yang telah disahkan benar dan betul daripada sumber yang boleh dipercayai;
 - “Maklumat belum sah” ertinya maklumat yang belum disahkan benar dan betul daripada sumber yang boleh dipercayai;
 - “Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pendidikan tinggi;
 - “Pelajar” ertinya seseorang pelajar berdaftar, selain pelajar di suatu institusi yang bersekutu dengan universiti atau kolej universiti, yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan daripada apa-apa perihalan pada peringkat persediaan, praijazah, lepas ijazah atau lepas kedoktoran secara sepenuh masa atau sambilan dalam, oleh atau dari universiti atau kolej universiti itu,

dan termasuklah pembelajaran jarak jauh, luar kampus, pertukaran dan pelajar tidak berijazah;

- “Pelupusan” ertinya proses di mana suatu barang yang secara fizikal masih ada dalam simpanan pihak berkuasa universiti tetapi tidak lagi digunakan atau diperlukan dan perlu dikeluarkan dari simpanan dan rekod pihak berkuasa universiti;
- “Pengeledahan” ertinya perbuatan memeriksa oleh pekerja universiti yang diberi kuasa untuk tujuan mencari apa-apa barang dan bukti;
- “Perhimpunan” suatu perhimpunan sesuatu bilangan orang yang disengajakan dan sementara di sesuatu tempat awam, sama ada atau tidak perhimpunan itu diadakan di suatu tempat tertentu atau bergerak;
- “Pihak Berkuasa Luar” ertinya mana-mana pihak berkuasa selain daripada pihak berkuasa Universiti dan termasuklah pihak berkuasa tempatan dan pihak berkuasa agama yang berkenaan;
- “Pihak Berkuasa Tempatan” ertinya mana-mana Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah, mengikut mana-mana berkenaan termasuklah Wilayah Persekutuan;
- “Pihak Berkuasa Tatatertib” ertinya Naib Canselor (NC) atau, jika berkenaan, mana-mana Timbalan Naib Canselor, mana-mana anggota kakitangan, mana-mana pegawai atau mana-mana pekerja Universiti, atau mana-mana lembaga bagi anggota kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti yang diwakili oleh NC dengan tugas, kuasa atau kewajipan atau tatatertib di bawah subseksyen 16B(3) AUKU;

- "Prosiding Tatatertib" ertinya suatu prosiding tatatertib di bawah KPT; dan
- "Ilustrasi" ertinya contoh kes tatatertib yang telah berlaku di UA sebelum SOP ini diwujudkan. Namun, tindakan yang dilakukan merujuk kepada amalan kaedah tatatertib yang terpakai di UA.

6. TARIKH KUAT KUASA


SOP ini berkuatkuasa berdasarkan tarikh yang diarahkan oleh Menteri Pendidikan Tinggi.

7. CARTA ALIR

- 7.1. Menangani Kes Perhimpunan Di Luar Kampus (Dengan Maklumat Awal);
- 7.2. Menangani Kes Perhimpunan Di Luar Kampus Tanpa Maklumat Awal (Sedang Berlaku);
- 7.3. Menangani Kes Perhimpunan Di Luar Kampus Tanpa Maklumat Awal (Telah Berlaku);
- 7.4. Menangani Kes Perhimpunan Di Dalam Kampus Dengan Maklumat (Dengan Kelulusan);
- 7.5. Menangani Kes Perhimpunan Di Dalam Kampus Dengan Maklumat (Tanpa Kelulusan);
- 7.6. Menangani Kes Perhimpunan Di Dalam Kampus Tanpa Maklumat;
- 7.7. Menangani Ancaman Ekstremisme;
- 7.8. Laporan Maklumat Sahih Dan Belum Sahih;
- 7.9. Kes Yang Diterima Oleh Pejabat Menteri;
- 7.10. Pra Perbicaraan;
- 7.11. Pra Perbicaraan Kes Pelajar Dituduh Atas Kesalahan Boleh Daftar;

- 7.12. Proses Pemeriksaan, Penggeledahan & Rampasan Dalam Universiti;
- 7.13. Pengendalian Barang Rampasan / Barang Kes; dan
- 7.14. Pelupusan Barang Kes.

7.1 CARTA ALIR MENANGANI KES PERHIMPUNAN DI LUAR KAMPUS (DENGAN MAKLUMAT AWAL)



ILUSTRASI KES PERHIMPUNAN DI LUAR KAMPUS (DENGAN MAKLUMAT AWAL)

1.0 LATAR BELAKANG

Sekumpulan pelajar yang mewakili persatuan yang berdaftar dengan universiti telah memohon untuk menganjurkan sebuah forum akademik yang diadakan di dalam dewan universiti. Permohonan tersebut telah diluluskan oleh pihak universiti. Walau bagaimanapun, pada hari berkenaan, program tersebut telah ditukar menjadi forum ucapan daripada beberapa orang pemimpin pelajar dari beberapa buah universiti yang lain berkenaan pemansuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dan kebebasan pelajar. Pelajar telah membuat hebahan program tersebut melalui laman sesawang "Facebook" bagi mendapatkan sambutan di kalangan pelajar.

2.0 TINDAKAN UNIVERSITI

2.1. Sebelum Kejadian

Jabatan Keselamatan mendapat maklumat mengenai program tersebut melalui laman sesawang "Facebook" dan persatuan pelajar. Jabatan Keselamatan telah mengambil langkah proaktif dengan mendapatkan beberapa maklumat yang lain seperti latar belakang ahli-ahli jemputan forum serta tujuan forum tersebut. Jabatan Keselamatan mengambil keputusan untuk memantau di lokasi program berkenaan semasa hari kejadian. Forum yang dianjurkan tersebut telah diubah tidak seperti yang dipohon berdasarkan *banner* yang digantung di luar dewan kuliah tersebut. Pihak Jabatan Keselamatan telah

berunding dengan pihak penganjur serta ahli-ahli jemputan forum tersebut. Pada mulanya mereka berkeras, tetapi akhirnya akur dengan arahan pihak Jabatan Keselamatan supaya forum tersebut diubah ke luar kawasan universiti berkenaan. Forum tersebut tetap berlangsung di luar kawasan universiti berkenaan.

2.2. Semasa Kejadian

Pihak Jabatan Keselamatan telah berada di lokasi kejadian sebelum program bermula dan membuat pemantauan perjalanan program. Banyak gambar telah diambil dan juga beberapa insiden penting semasa kejadian telah direkodkan. Forum yang dianjurkan tersebut telah diubah tidak seperti yang dipohon berdasarkan *banner* yang digantung di luar dewan kuliah tersebut. Pihak Jabatan Keselamatan telah berunding dengan pihak penganjur serta ahli-ahli jemputan forum tersebut. Pada mulanya mereka berkeras, tetapi akhirnya akur dengan arahan pihak Jabatan Keselamatan supaya forum tersebut diubah ke luar kawasan universiti berkenaan.


2.3. Selepas Kejadian

Pelajar yang terlibat telah dipanggil oleh Jabatan Keselamatan dan telah diberi peringatan supaya tidak melakukan kesalahan yang sama. Pelajar tersebut dipantau oleh Jabatan Keselamatan dari semasa ke semasa.

3.0 RUMUSAN

Pihak universiti memandang serius mengenai program forum yang telah diluluskan tetapi telah diubah kepada pengisian forum yang lain. Oleh kerana pelajar yang terlibat telah akur dengan kehendak universiti supaya forum itu dibawa ke luar kampus, maka pihak universiti memberikan peringatan kepada pelajar berkenaan supaya tidak mengulangi perbuatan yang sama.

7.2 MENANGANI KES PERHIMPUNAN DI LUAR KAMPUS TANPA MAKLUMAT AWAL (SEDANG BERLAKU)



ILUSTRASI KES PERHIMPUNAN DI LUAR KAMPUS TANPA MAKLUMAT AWAL (SEDANG BERLAKU)

1.0 LATAR BELAKANG

Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) universiti menerima laporan bahawa satu perhimpunan haram sedang diadakan di luar kampus yang melibatkan beberapa pelajar. Penganjur adalah Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan perhimpunan diadakan di hadapan bangunan Parlimen. Hebahan perhimpunan ini telah dilakukan di media sosial oleh kumpulan pakatan pembangkang untuk mengajak pelajar terlibat.

2.0 TINDAKAN UNIVERSITI

2.1 Mengesahkan Maklumat

Memandangkan perhimpunan ini dilakukan di luar kampus, HEPA telah menghubungi terus Bahagian Siasatan Khas, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kajang untuk membantu siasatan. Maklumat para pelajar yang terlibat dan menyertai perhimpunan diserahkan kepada Polis di Raja Malaysia (PDRM).

Pihak Bahagian Keselamatan universiti terus membuat siasatan melalui pelbagai sumber dan pergi ke lokasi kejadian seperti dilaporkan. Pemakluman awal juga dikemukakan kepada NC dan Timbalan Naib Canselor (TNC) HEPA mengenai status kewujudan perhimpunan.

2.2 Laporan dan Pemantauan

Pejabat HEPA sentiasa berhubung dengan IPD Kajang untuk mendapatkan status terkini penglibatan pelajar universiti (jika ada). Bantuan tersebut diperlukan kerana insiden berlaku di kawasan yang bukan di bawah kawalan Bahagian Keselamatan universiti.

Pemantauan dan siasatan dilakukan secara bersama antara PDRM dan Bahagian Keselamatan universiti. Pemantauan melibatkan pengumpulan gambar dan rakaman video, mengambil poster, plakad atau bahan cetakan yang diedarkan semasa perhimpunan dan lain-lain bukti yang relevan.

Pemantau juga diminta untuk mendapatkan perincian lanjut mengenai butiran perhimpunan, kenal pasti pelajar universiti yang terlibat, penganjur utama perhimpunan dan media hebahan yang digunakan.

2.3 Pelanggaran Kaedah Tatatertib

Siasatan mendapati pelajar tersebut boleh dikenakan tindakan di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 seperti berikut :

Larangan am

3.Seseorang pelajar tidak boleh-

- (a) Menjalankan urusannya, sama ada di dalam kampus atau di luar kampus, dalam apa-apa cara yang merosakkan atau memudaratkan-

- (i) Kepentingan, kesejahteraan atau nama baik Universiti, mana-mana pelajar, kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti; atau
- (ii) Ketenteraman atau keselamatan awam, moral, kesopanan atau tatatertib

Kegiatan pelajar di luar kampus

13.(1) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh menganjurkan, menjalankan atau menyertai apa-apa kegiatan di luar kampus yang mendatangkan kesan buruk secara langsung kepada universiti atau yang memudaratkan kepentingan universiti.

2.4 Laporan dan tindakan selanjutnya

Berdasarkan laporan pihak PDRM dengan kerjasama Bahagian Keselamatan universiti dan juga bukti-bukti dalam bentuk rakaman video dan gambar, pelajar telah didapati melakukan pelanggaran tatatertib. Pihak universiti memutuskan supaya pelajar tersebut dibawa ke prosiding tatatertib pelajar. Tindakan tatatertib terhadap pelajar dikenakan di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999, iaitu melanggar Kaedah 3(a), dan Kaedah 13 (1).


3.0 RUMUSAN

Selagi seseorang pelajar masih lagi berdaftar sebagai seorang pelajar universiti, maka beliau perlu mematuhi semua undang-undang Malaysia, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (termasuk pindaan-pindaan di

bawahnya), Perlembagaan Universiti, Statut, Kaedah-Kaedah, Peraturan-Peraturan dan apa-apa arahan yang terpakai kepada pelajar universiti yang dibuat dari semasa ke semasa sepanjang beliau menjadi seorang pelajar.

Pernyataan ini sudah dijelaskan kepada setiap pelajar semasa mereka menandatangani Surat Aku Janji universiti bahawa sekiranya pelajar tidak mematuhi mana-mana peruntukan dalam undang-undang Malaysia, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (termasuk pindaan-pindaan di bawahnya), Perlembagaan Universiti, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan atau arahan tersebut, maka tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pelajar.

7.3 MENANGANI KES PERHIMPUNAN DI LUAR KAMPUS TANPA MAKLUMAT AWAL (TELAH BERLAKU)



ILUSTRASI KES PERHIMPUNAN DI LUAR KAMPUS TANPA MAKLUMAT AWAL (TELAH BERLAKU)

1.0 LATAR BELAKANG

Pejabat HEPA universiti telah menerima laporan bahawa satu perhimpunan haram telah diadakan di luar universiti dan melibatkan beberapa pelajar. Penganjur adalah NGO dan perhimpunan telah diadakan di Dataran Merdeka Kuala Lumpur.

2.0 TINDAKAN UNIVERSITI

2.1 Mengesahkan Maklumat

Memandangkan perhimpunan ini dilakukan di luar kampus, HEPA telah berhubung terus dengan Bahagian Siasatan Khas, IPD Kajang untuk memohon bantuan siasatan.

Pihak Bahagian Keselamatan universiti dan pengurusan HEPA universiti telah membuat siasatan melalui pelbagai sumber. Pemakluman awal juga dikemukakan kepada NC dan TNC HEPA mengenai status kewujudan perhimpunan.

2.2 Siasatan

Siasatan dilakukan secara bersama antara PDRM dan Bahagian Keselamatan universiti berdasarkan maklumat yang diterima dari pengumpulan gambar dan rakaman video, mengambil poster, plakad atau bahan cetakan yang diedarkan semasa perhimpunan dan lain-lain bukti yang relevan.

Memastikan tujuan perhimpunan tersebut boleh menyebabkan kepada pelanggaran kaedah tatatertib.

2.3 Pelanggaran Kaedah Tatatertib

Siasatan mendapati pelajar tersebut boleh dikenakan tindakan dibawah Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 seperti berikut:

Larangan am

3. Seseorang pelajar tidak boleh-
 - (b) Menjalankan urusannya, sama ada di dalam Kampus atau di luar kampus, dalam apa-apa cara yang merosakkan atau memudaratkan-
 - (iii) Kepentingan, kesejahteraan atau nama baik Universiti, mana-mana pelajar, kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti; atau
 - (iv) Ketenteraman atau keselamatan awam, moral, kesopanan atau tatatertib

Kegiatan pelajar di luar Kampus

13.(1) Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh menganjurkan, menjalankan atau menyertai apa-apa kegiatan di luar kampus yang mendatangkan kesan buruk secara langsung kepada Universiti atau yang memudaratkan kepentingan universiti.

2.4 Laporan dan Tindakan Selanjutnya

Berdasarkan laporan pihak PDRM dengan kerjasama Bahagian Keselamatan universiti dan juga bukti-bukti dalam bentuk rakaman video dan gambar, pelajar telah didapati melakukan pelanggaran tatatertib dan pihak universiti memutuskan supaya pelajar tersebut dibawa ke prosiding tatatertib pelajar. Tindakan tatatertib terhadap pelajar telah dikenakan di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999, iaitu melanggar Kaedah 3(a) dan Kaedah 13(1).


3.0 RUMUSAN

Selagi seseorang pelajar masih lagi berdaftar sebagai seorang pelajar universiti, maka beliau perlu mematuhi semua undang-undang Malaysia, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (termasuk pindaan-pindaan di bawahnya), Perlembagaan Universiti, Statut, Kaedah-Kaedah, Peraturan-Peraturan dan apa-apa arahan yang terpakai kepada pelajar universiti, yang dibuat dari semasa ke semasa sepanjang beliau menjadi seorang pelajar universiti.


Penyataan ini sudah dijelaskan kepada setiap pelajar semasa mereka menandatangani Surat Aku Janji universiti bahawa sekiranya pelajar tidak mematuhi mana-mana peruntukan dalam undang-undang Malaysia, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (termasuk pindaan-pindaan di bawahnya), Perlembagaan Universiti, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan atau arahan tersebut, maka tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pelajar.

Standard Operating Procedure (SOP)
Bagi Kes-Kes Tatatertib Pelajar Universiti Awam

7.4 MENANGANI KES PERHIMPUNAN DI DALAM KAMPUS DENGAN MAKLUMAT (DENGAN KELULUSAN)




Standard Operating Procedure (SOP)
Bagi Kes-Kes Tatatertib Pelajar Universiti Awam




Standard Operating Procedure (SOP)
Bagi Kes-Kes Tatatertib Pelajar Universiti Awam

7.5 MENANGANI KES PERHIMPUNAN DI DALAM KAMPUS DENGAN MAKLUMAT (TANPA KELULUSAN)



Standard Operating Procedure (SOP)
Bagi Kes-Kes Tatatertib Pelajar Universiti Awam



ILUSTRASI KES PERHIMPUNAN DALAM KAMPUS DENGAN MAKLUMAT

1.0 LATAR BELAKANG

Pelajar menganjur dan mengadakan pidato awam di dalam kawasan universiti (di luar pintu masuk utama universiti). Pelajar tidak membuat sebarang permohonan untuk menganjurkan program tersebut. Walau bagaimanapun, mereka telah menghebahkan program berkenaan beberapa hari sebelum program berlangsung melalui laman media sosial. Siasatan awal mendapati bahawa program tersebut yang dijadualkan berlangsung di hadapan bangunan Pentadbiran universiti tidak mendapat sebarang kebenaran daripada pihak pengurusan universiti. Program tersebut diteruskan oleh penganjur dan lokasi program telah ditukar ke kawasan luar pintu masuk utama kampus universiti.

2.0 TINDAKAN UNIVERSITI

2.1 Sebelum Kejadian

Bahagian Risikan, Pejabat Keselamatan telah memanggil pihak penganjur untuk mendapatkan maklumat program yang dijalankan. Kesimpulan dari pertemuan tersebut, pihak penganjur tetap berkeras untuk menjalankan program yang dirancang. Alasan daripada pihak penganjur, hak untuk bersuara terjamin di bawah Perlembagaan Persekutuan. Dua hari sebelum kejadian berlangsung, Pengarah Keselamatan telah mengarahkan semua pintu masuk kampus dikawal rapi dan juga membuat pemeriksaan terhadap semua pelawat bagi memastikan tiada orang luar yang memasuki kampus universiti untuk menghadiri perhimpunan tersebut.

2.2 Semasa Kejadian

Pejabat Pembangunan telah dimaklumkan mengenai program yang berlangsung di dalam kampus. Sebagai langkah untuk menghalang pihak penganjur dari melangsungkan program tersebut, bekalan elektrik di sekitar kawasan program telah diputuskan untuk sementara waktu. Pemantauan juga dilakukan semasa kejadian oleh Pihak Keselamatan dan Risikan. Disebabkan kawasan kejadian tidak mendapat akses elektrik, pihak penganjur gagal untuk mendapatkan peserta program. Hasil dari tindakan yang dilakukan oleh Pejabat Pembangunan, pihak penganjur telah menukar lokasi perhimpunan ke luar pintu masuk utama kampus. Dianggarkan lebih dari 400 orang peserta program yang terdiri

daripada pelajar dan orang awam berhimpun di luar pintu masuk utama untuk menyertai program yang telah dirancang. Pergerakan peserta program telah menghalang lalu lintas dan kejadian juga dicemari dengan beberapa adegan provokasi oleh pihak yang tidak dikenali. Rakaman kejadian telah direkodkan oleh pihak risikan Keselamatan universiti dan PDRM. Beberapa orang penceramah juga dikenal pasti dan sebilangan pelajar yang berucap merupakan pelajar universiti.

2.3 Selepas Kejadian

Penganjur yang terlibat telah dikenal pasti dan diberi surat tunjuk sebab mengenai penganjuran program yang tidak mendapat kelulusan pihak universiti. Penganjur memberi maklum balas bahawa kejadian tersebut adalah di luar kawasan kampus dan di luar bidang kuasa universiti.


Berdasarkan laporan pihak keselamatan dan juga bukti-bukti dalam bentuk rakaman video dan gambar, pihak penganjur telah melakukan pelanggaran tatatertib dan pihak universiti memutuskan supaya pelajar tersebut dibawa ke prosiding tatatertib pelajar. Oleh sebab itu, tindakan tatatertib pelajar telah diadakan. Walaupun pidato tersebut dianjurkan di luar pagar kampus universiti, ia masih lagi di dalam kawasan tanah milik dan penjagaan pihak universiti. Oleh itu, mereka perlu mendapatkan kebenaran daripada pihak Pengurusan universiti untuk mengadakan sebarang aktiviti sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan universiti. Pelajar telah dituduh di bawah Peraturan Tatatertib Pelajar Kaedah 9 (1) atas kesalahan menganjur


dan menyertai perhimpunan di dalam kampus tanpa kebenaran universiti.

3.0 RUMUSAN

Pelajar telah menganjurkan program yang tidak mendapat kelulusan universiti di dalam kawasan universiti (di luar pintu masuk utama universiti). Pelajar mengandaikan lokasi kejadian adalah di luar kawasan universiti dan tidak boleh dikenakan sebarang tindakan tatatertib. Hasil prosiding tatatertib mendapati kawasan yang menjadi lokasi perhimpunan masih tertakhluk di dalam definisi premis universiti dan pelajar didapati bersalah terhadap pertuduhan yang dikenakan.

7.6 MENANGANI KES PERHIMPUNAN DI DALAM KAMPUS TANPA MAKLUMAT





ILUSTRASI KES ANCAMAN EKSTREMISME

1.0 LATAR BELAKANG

Seorang pelajar telah terlibat mempercayai fahaman syiah.

2.0 TINDAKAN UNIVERSITI

2.1 Sebelum Kejadian

Pihak universiti telah dimaklumkan tentang keganasan tingkah laku rakan sebilikinya di kampus terutama ketika melakukan ibadah. Laporan tersebut memaklumkan bahawa pelajar terbabit terlibat dengan fahaman syiah dan mempunyai hubungan baik dengan seseorang yang tidak dikenali melalui "Whatsapp Group". Pihak Pengurusan Pelajar telah menerima laporan rakan sebilik pelajar tersebut dan memulakan siasatan dengan menyamar untuk menjadi ahli di dalam Whatsapp Group berkenaan.

Hampir beberapa bulan penyamaran dilakukan dan akhirnya, pihak Pengurusan Pelajar telah berjaya memanggil pelajar terlibat. Hasil dari pra-siasatan yang dijalankan, pelajar berkenaan telah mengaku mengikuti ajaran dan fahaman yang dibawa oleh gurunya yang dikenali di pusat tuisyen ketika zaman persekolahan. Pihak Pengurusan Pelajar telah membuat laporan penuh kepada Bahagian Tatatertib untuk tindakan lanjut.

2.2 Semasa Kejadian

Sejurus menerima laporan tersebut, Bahagian Tatatertib telah membuat siasatan terhadap

kepada pihak berkuasa agama Islam negeri untuk pengesahan. Tindakan Tatatertib ditangguh bagi memberi laluan kepada pihak berkuasa agama Islam negeri bagi meneruskan siasatan terperinci kerana mereka memiliki kepakaran dan bidang kuasa dalam mengendalikan kes-kes yang melibatkan fahaman-fahaman agama yang ekstrem ini.

Pihak berkuasa agama Islam negeri telah memanggil pelajar tersebut ke ibu pejabat penguatkuasaan untuk siasatan dan tindakan lanjut. Hasil siasatan mendapati bahawa pelajar berkenaan berlatarbelakangkan keluarga yang berpegang dengan mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah. Akan tetapi, melalui seorang "guru" yang beliau kenali, beliau telah terpengaruh dengan fahaman Syiah Imamiyah. Antara amalan yang diterapkan oleh fahaman ini ialah mendirikan solat Zohor dan Asar boleh secara jamak tanpa sebab yang berlandaskan syarak. Seterusnya apabila ditanya mengenai pandangan beliau terhadap Saidatina Aisyah r.a., beliau mengatakan bahawa Saidatina Aisyah r.a. tiada tempat di syurga. Beliau juga tidak nampak penyimpangan yang dilakukan oleh pengikut Syiah Imamiyah terhadap akidah, syariah dan akhlak.

2.3 Selepas Kejadian

Kesan daripada didikan dan ajaran "guru" tersebut, beliau telah mempercayai sepenuh hati dengan fahaman Syiah Imamiyah dan mempertahankan pegangannya itu. Pelajar tersebut telah menyebarkan fahaman tersebut kepada rakan-rakan yang lain untuk dikongsikan


bersama. Pihak berkuasa agama Islam negeri tidak mengambil tindakan undang-undang memandangkan umurnya yang masih muda dan mengambil pendekatan menyerahkan pelajar tersebut kepada keluarganya untuk memberikan nasihat supaya meninggalkan fahaman syiah yang dipegangnya. Pihak Jabatan Agama juga akan membuat pemantauan dari semasa ke semasa bagi mengikuti perkembangan pemulihan akidah pelajar tersebut. Pihak universiti juga tidak bercadang untuk mengambil tindakan lanjut memandangkan perkara tersebut masih di bawah pemerhatian pihak berkuasa agama Islam negeri.

3.0 RUMUSAN

Pelajar telah diberi peluang oleh pihak berkuasa agama Islam negeri untuk kembali bertaubat dan dibimbing oleh keluarga dalam satu tempoh yang telah ditetapkan. Pihak universiti juga memberi ruang kepada pelajar untuk kembali kepada akidah yang benar memandangkan keluarga pelajar tersebut merupakan keluarga yang berpegang kepada fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah. Sekiranya pihak berkuasa agama Islam negeri melaporkan mengenai tiada perkembangan yang positif ditunjukkan oleh pelajar berkenaan, pihak universiti akan meneruskan prosiding tatatertib terhadap pelajar di bawah peraturan universiti.


Standard Operating Prosedure (SOP)
Bagi Kes-Kes Tata tertib Pelajar Universiti Awam

7.8 CARTA ALIR LAPORAN MAKLUMAT SAHIB DAN BELUM SAHIB




Standard Operating Prosedure (SOP)
Bagi Kes-Kes Tata tertib Pelajar Universiti Awam

7.9 CARTA ALIR KES YANG DITERIMA OLEH PEJABAT MENTERI




Standard Operating Procedure (SOP)
Bagi Kes-Kes Tatatertib Pelajar Universiti Awam

7.10 PRA PERBICARAAN




Standard Operating Procedure (SOP)
Bagi Kes-Kes Tatatertib Pelajar Universiti Awam

7.11 CARTA ALIR PRA PERBICARAAN KES PELAJAR DITUDUH ATAS KESALAHAN BOLEH DAFTAR




Standard Operating Procedure (SOP)
Bagi Kes-Kes Tatatertib Pelajar Universiti Awam

7.12 CARTA ALIR PROSES PEMERIKSAAN, PENGGELEDEHAN DAN RAMPASAN DALAM UNIVERSITI




Standard Operating Procedure (SOP)
Bagi Kes-Kes Tatatertib Pelajar Universiti Awam

7.13 CARTA ALIR PENGENDALIAN BARANG RAMPASAN/ BARANG KES



7.14 CARTA ALIR PELUPUSAN BARANG KES



8. PENUTUP

SOP bagi Kes-Kes Tatatertib Pelajar UA dirangka khusus sebagai panduan untuk mewujudkan suasana harmoni dan kondusif di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di samping mengambil kira aspek kepentingan bersama iaitu keselamatan dan pengurusan tatatertib pelajar semasa melanjutkan pengajian di IPT. Adalah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi agar SOP ini menjadi rujukan penting dalam perancangan pengurusan pelajar oleh setiap UA dengan mengambil kira keperluan pelajar masa kini demi membentuk generasi yang holistik dan seimbang dalam ilmu dan juga akhlaknya.

DI TERBITKAN OLEH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI